

Isnin – 03 Februari 2020

Halaman : 30

## Orang asli juga perlu peka penularan wabak koronavirus

**TEMERLOH** - Masyarakat orang asli diingatkan supaya peka terhadap penularan wabak koronavirus dengan mengikuti perkembangan penyakit tersebut dari semasa ke semasa.

Ahli Dewan Negara, Senator Bob Manolan Mohamad berkata, kesedaran mengenai perkembangan tersebut penting dan maklumat mengenai perkara itu boleh didapati melalui pelbagai saluran media.

Menurutnya, mereka juga perlu mengikut nasihat dan langkah pencegahan sebagaimana dikeluarkan pihak berkuasa.

“Segera dapatkan rawatan perubatan

**ANCAMAN  
KORONAVIRUS  
DI CHINA**



Bob Manolan (tengah) bersama sebahagian masyarakat orang asli dalam program di Temerloh baru-baru ini.

jika jatuh sakit dan mengalami simptom jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas.

“Tindakan pantas merujuk simptom virus ke fasiliti kesihatan sangat penting

dan bukannya mengambil perubatan tradisional semata-mata,” katanya selepas menyampaikan peralatan sekolah dan bakul makanan kepada 40 penduduk di Perkampungan Orang Asli Paya Mengkuang di sini baru-baru ini.